

Ruj kami : AKKM:1/7/3 Jld.5 (69)

Tarikh : 21 Mei 2026

Kepada semua
Pelanggan Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA)

Tuan / Puan,

PEKELILING KOPERASI BILANGAN : 04/2026.

**PEMATUHAN HAD MAKSIMUM TEMPOH PEMBIAYAAN PERIBADI MELALUI SISTEM
POTONGAN GAJI ANGKASA (SPGA)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, Bank Negara Malaysia (BNM) melalui pengumuman bertarikh 5 Julai 2013 telah menetapkan bahawa tempoh maksimum bagi pembiayaan kredit adalah dihadkan kepada sepuluh (10) tahun sahaja. Ketetapan ini dibuat sebagai langkah memperkukuhkan amalan pembiayaan berhemat serta mengawal tahap keberhutangan isi rumah.

3. Sehubungan itu, semua pelanggan BPA perlu memastikan setiap permohonan pembiayaan kredit yang dilaksanakan melalui Sistem Potongan Gaji ANGKASA (SPGA) perlu mematuhi had maksimum tempoh sepuluh (10) tahun. Mana-mana permohonan pembiayaan kredit yang melebihi tempoh tersebut tidak dibenarkan dan hendaklah disemak serta diselaraskan bagi memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap arahan yang sedang berkuat kuasa.

4. Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta dan semua pelanggan BPA hendaklah mengambil tindakan sewajarnya dan memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap semua peraturan serta garis panduan yang ditetapkan oleh pihak ANGKASA dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

“SADIK, AMANAH, TELUS”

Yang benar,



HAMZAH BIN HAJI IBRAHIM
Pengurus Besar Kanan
Kumpulan Kewangan Korporat
ANGKASA

Fail:wma/pekeliling042026.

